

Barah hidung, tekak turut jejas ramai Melayu

BARAH di bahagian belakang hidung dan tekak di sini selalu dikaitkan dengan kaum Cina.

Tetapi, dalam kalangan bukan Cina yang menghidapinya, kaum Melayu didapati merupakan kaum terbesar yang diserang barah ini, lantas menimbulkan tanda tanya.

Bagi memahami mengapa ini terjadi, satu kajian telah dijalankan baru-baru ini oleh saintis klinisian di Sekolah Perubatan Yong Loo Lin, Universiti Nasional Singapura (NUS).

Barah yang dimaksudkan disebut *nasopharyngeal cancer* (NPC) iaitu barah di bahagian belakang hidung dan atas belakang tekak dan sel-sel di dinding bahagian-bahagian yang terjejas itu.

Menurut kertas hasil kajian itu Singapura berkedudukan unik untuk menjalankan kajian tersebut kerana masyarakatnya yang berbilang kaum. NPC dikaji dengan mendalam dalam masyarakat bumiputera Cina seperti Hongkong, Taiwan dan China Selatan.

Kajian dari 2002 hingga 2012 itu melibatkan 558 pesakit NPC – 409 lelaki (73.3 peratus) dan 149 perempuan (26.7 peratus) dengan usia median (pertengahan) 52 tahun.

Jumlah pesakit ialah 476 Cina (85.3 peratus), 57 Melayu (10.2 peratus) dan 25 kaum lain (4.5 peratus).

Hasil utama kajian ini menunjukkan pesakit bukan Cina merangkumi hampir 15 peratus daripada semua pesakit NPC setempat, sedangkan barah ini secara tradisional menjejaskan kaum Cina. Dalam kalangan pesakit bukan Cina, orang Melayu merupakan sebahagian besar (69.5 peratus) pesakit barah ini.

Pesakit bukan Cina juga didapati menunjukkan tahap penyakit yang sudah lanjut, walaupun tiada perbezaan ketara dari segi kesudahan penyakit (sama ada malap atau sebaliknya) antara pesakit Cina dengan bukan Cina.

Justeru, pengkaji ingin tahu sama ada keadaan ini disebabkan kurangnya kesedaran doktor tentang penyakit NPC pada diri pesakit bukan Cina atau adakah punca-punca lain yang menyebabkannya.

Menerangkan lebih lanjut, Penolong Profesor Lim Chwee Ming dari Jabatan Otolaringologi Sekolah Perubatan Yong Loo Lin, berkata bahawa pesakit Cina mungkin lebih terdedah mendapat barah ini kerana tabiat pemakanan mereka (cenderung memakan ikan asin).



BARAH NASOPHARYNGEAL (NPC):

Dalam kebanyakan kes radiasi boleh memulihkan NPC peringkat awal. – Foto fail

Faktor lain termasuk perbezaan dalam sistem imuniti (daya melawan penyakit) antara kaum dalam melawan barah ini yang dikaitkan dengan virus Epstein Barr.

NPC biasa dihidapi di Asia Timur dan Asia Tenggara.

Di Singapura ia merupakan barah kelapan paling biasa dihidapi dalam kalangan lelaki – dar 9.5 lelaki dalam setiap 100,000 menghidapinya setahun, berbeza dengan di Amerika Syarikat dan negara-negara lain di mana seorang dalam setiap 100,000 lelaki menghidapinya setahun.

Rawatan biasa yang diberikan bagi barah ini ialah kemoradiasi yang didapati boleh memanjangkan jangka hayat 75 hingga 83 peratus pesakit secara keseluruhan selama lima tahun.

Pasukan pengkaji itu dari Jabatan Otolaringologi – Pembedahan Kepala dan Leher, Jabatan Onkologi Radiasi, dan Jabatan Hematologi dan Onkologi. Semua dari Sistem Kesihatan Universiti Nasional Singapura.

Menurut Profesor Lim beberapa petanda barah ini termasuk hilang pendengaran tanpa diketahui sebabnya, telinga bagai tersumbat, bengkak berterusan di leher dan cairan berdarah dari hidung. Jika mengalami demikian segera berjumpa doktor.

Pusat Barah Nasional Singapura (NCCS) pula menerangkan rawatan awal barah ini ialah radioterapi. Kemoterapi adakala diberikan bersama radioterapi. Namun, pembedahan biasanya tidak dilakukan kerana lokasi barah itu.

Namun, dalam kebanyakan kes radiasi boleh memulihkan NPC peringkat awal, menurut NCC.

Cara mengurangkan risiko mendapat barah ini ialah makan banyak buah, sayur hijau dan sumber lain vitamin C, kurangkan makan ikan asin dan makanan diawet dan elak asap rokok.